

## Bab 4

### Masalah dan Isu dalam Perdagangan Candu

Selepas mengkaji perjalanan dan perkembangan perdagangan candu di negeri-negeri Melayu secara umum, dan Selangor khususnya, dalam bab-bab sebelumnya, dalam bab ini tumpuan ini akan diberi kepada masalah dan isu yang telah menghalang kelincinan perjalanan perdagangan candu. Kegiatan penyeludupan sentiasa mendapat perhatian pentadbir-pentadbir British, manakala isu sosial yang diberi tumpuan oleh penggerakan badan-badan yang bersifat anti-candu seperti penggunaan *chandu dross* yang lebih membahayakan tubuh penghisapnya serta amalan menghisap *chandu* di rumah-rumah pelacuran yang sentiasa dikritik. Namun, penyelesaian kepada kesemua isu-isu tersebut amat bergantung kepada pendirian kerajaan yang memerintah iaitu sama ada mereka memandang berat isu-isu ini, berusaha untuk mencari jalan penyelesaian ataupun melihatnya sebagai isu yang remeh dan boleh diketepikan.

#### Jadual IV

Tarikh-tarikh penting dalam perkembangan sekatkan ke atas perdagangan candu

Tahun	Perkembangan di dalam Tanah Melayu dan Negeri-negeri Selat	Perkembangan di luar Tanah Melayu dan Negeri-negeri Selat
1874		Pembentukan <i>The Society for the Suppression of the Opium Trade (SSOT)</i> di London.
1891		Arahan dari Parlimen British kepada pentadbir-pentadbir kolonial untuk menyekat perdagangan candu di tanah-tanah jajahan.
1893		Perlantikan SSOT untuk mengkaji perdagangan candu dan sistem pajakan hasil candu.
1906	Pembentukan <i>The Selangor Anti-Opium Society</i> .	Penghapusan perdagangan candu di Filipina selepas pembentukan satu jawatankuasa oleh Kongres Amerika Syarikat. Pengeluaran dekri oleh kerajaan China untuk menghapuskan pengeluaran penggunaan candu dalam tempoh tahun.
1907	<i>The Straits Settlements and Federated Malay States Anti-Opium Conference</i> diadakan di Ipoh. Pembentukan <i>The Malayan Opium Commission</i> .	
1910	<i>The Opium and Chandu Enactment, 1910</i> diluluskan. Permulaan Sistem Monopoli Kerajaan dalam perdagangan candu di Negeri-negeri Selat.	
1911	Permulaan Sistem Monopoli Kerajaan dalam perdagangan candu di Selangor, Perak, Johor dan Perlis, dan perlaksanaan <i>The Opium and Chandu Enactment, 1910</i> di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.	
1912	Penghapusan sistem pajakan hasil di Labuan.	<i>International Opium Convention</i> ditandatangani di <i>The Hague</i> .
1913	Penghapusan sistem pajakan hasil di Kelantan.	
1917	Penghapusan sistem pajakan hasil di Terengganu.	
1919		<i>The Versailles Treaty</i> ditandatangani.
1924		Pembentukan <i>The British Malaya Opium Committee</i> dan penerbitan laporan kajiannya.

## **Penyeludupan**

Penyeludupan candu merupakan salah satu masalah yang diberi tumpuan oleh pihak pentadbir British. Masalah ini dianggap amat serius dari kacamata pentadbir-pentadbir dari segi ia boleh menggugat pendapatan kerajaan dan mengganggu keseluruhan perjalanan perdagangan candu. Oleh itu, pelbagai langkah sering diambil oleh kerajaan pada setiap masa untuk menghalang berleluasa kegiatan penyeludupan candu.

Salah satu cara yang diambil oleh pihak pentadbir British untuk menangani berleluasanya kegiatan penyeludupan candu adalah menerusi perlaksanaan sistem pajakan hasil candu dalam perdagangan candu di negeri-negeri Melayu yang turut disertai dengan undang-undang yang ketat. Ini kerana berasaskan kepada prinsip sistem pajakan hasil candu, ia adalah pemberian satu bentuk "monopoli" kepada orang tertentu dalam menguruskan perjalanan mengimport, mengutip duti, memasak dan menjual candu di bawah kawalan kerajaan di mana pemajak hasil candu ini bertanggungjawab kepada kerajaan dalam menguruskan perjalanan perdagangan candu. Selain daripada dipandang penting dari segi sumbangannya kepada pendapatan kerajaan, sistem ini juga berfungsi dalam mengurangkan kos perbelanjaan pentadbiran negeri apabila pihak kerajaan negeri tidak perlu membentuk satu

bahagian tertentu untuk menguruskan perjalanan perdagangan ini, sebaliknya kesemua tanggungjawab ini akan diserahkan kepada pemajak hasil candu.

Oleh kerana sistem ini meletakkan tanggungjawab mengendalikan kesemua peringkat pengurusan perdagangan candu di tangan pihak yang telah dilantik khas, maka ia diharapkan dapat memastikan kelancaran perjalanan perdagangan ini berjalan dengan sewenang-wenangnya di samping dapat mengelakkan kemungkinan pemilikan candu oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Misalnya dalam fasal-fasal yang terdapat dalam syarat *Selangor Opium Duty Farm* dan *Selangor Coast Chandu Farm*, terdapatnya fasal-fasal yang dimasukkan dengan tujuan untuk menghalang berlakunya penyeludupan dalam apa jua bentuk dengan pemajak hasil candu dan pemajak hasil *chandu* diberi tanggungjawab memastikan penyeludupan tidak berlaku.

Di dalam syarat *Selangor Opium Farm*, pemegang lesen atau pemajak hasil candu yang sudah luput tempoh lesenya tetapi tidak berjaya mendapat tender yang baru harus menyerahkan semua candu yang masih ada dalam simpanannya kepada pemajak hasil candul yang baru. Mereka yang menyerahkan mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan dibayar balik kesemua nilai candu yang diserahkannya itu mengikut harga yang telah ditentukan oleh kerajaan. Setelah menerima candu daripada pemegang lesen pajakan hasil candu yang lama, pemegang lesen pajakan

hasil candu yang baru ini akan meletakkan tanda pada candu yang telah menjadi miliknya. Selain daripada itu, hanya pekerja atau agen kepada pemajak hasil candu yang mendapat perlantikan khas daripada Pegawai Daerah sahaja yang dibenarkan untuk mengutip duti ke atas semua candu yang telah diimport ke dalam negeri Selangor.

Dalam syarat dalam *Selangor Coast Chandu Farm*, dinyatakan bahawa pemajak hasil candu harus menyerahkan rekod tentang penggunaan *chandu* sepanjang tempoh lesennya berfungsi dan mereka yang masih memiliki *chandu* yang dibeli daripada pemajak hasil candu yang terdahulu dimestikan untuk mendapatkan kebenaran untuk menggunakan *chandu* tersebut daripada pemajak hasil candu yang baru. Segala bentuk percubaan untuk menyeludup masuk atau keluar candu oleh pemajak hasil candu dan pemajak *chandu* boleh mengakibatkan lesen mereka akan ditarikbalik oleh kerajaan dan wang cagaran mereka itu akan menjadi milik kerajaan.<sup>1</sup>

Dengan adanya syarat yang sedemikian dalam kedua-dua jenis lesen tersebut, satu ciri penting yang boleh dikesani dalam sistem ini adalah memastikan semua pengedaran candu berjalan dalam keadaan yang terkawal. Sungguhpun kawalan yang ketat telah cuba dikuatkuasakan, namun penyeludupan tetap berlaku di kalangan sebilangan pemajak hasil candu yang tidak bertanggungjawab. Bukti kepada

---

<sup>1</sup> Selangor Opium Farm Conditions and Selangor Coast *Chandu* Farm Condition, SSF, 3685/1894.

kemungkinan berlakunya kegiatan penyeludupan boleh disaksikan menerusi sepucuk surat daripada Pemangku *Resident Councillor* Melaka kepada Residen Selangor berkenaan dengan penyeludupan *chandu* dan *chandu dross* ke Melaka yang dibawa masuk dari Klang untuk tujuan dieksport.<sup>2</sup> Satu lagi bukti kepada kegiatan seumpama ini adalah berdasarkan kepada surat daripada Residen Perak kepada Residen Selangor berkenaan dengan kegiatan penyeludupan *chandu* ke daerah Bernam di bawah sempadan Perak melalui Sungai Lanchang.<sup>3</sup>

Kekerapan kepada berlakunya penyeludupan candu telah menyebabkan pihak pentadbir sentiasa berusaha untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini dari semasa ke semasa. Antara satu usaha yang pernah dicadangkan oleh *Collector and Magistrate* ( Pegawai Daerah) Kuala Selangor adalah dengan mewajibkan semua yang kapal yang ingin berlabuh di kawasan pantai untuk mendapatkan pas terlebih dahulu dan memberi kuasa kepada pegawai yang ditugaskan di pelabuhan diberi hak untuk merampas semua *chandu* yang dibawa oleh kapal-kapal yang tidak mempunyai pas yang telah diwajibkan.<sup>4</sup> Selain daripada itu, terdapat juga kawalan dari segi penyediaan *chandu* di mana ia dihadkan kepada pihak-pihak tertentu sahaja seperti mereka yang mendapat lesen untuk memasak atau menjual *chandu* di *Chandu Farm*.

---

<sup>2</sup> Pemangku *Resident Councillor* Melaka kepada BR Selangor, 26 April 1887, SSF, 1085/1887.

<sup>3</sup> BR Perak kepada BR Selangor, 3 Jun 1879, SSF, 204/1879.

<sup>4</sup> Collector and Magistrate, Kuala Selangor kepada Superintendent Officer, 23 Disember 1880, SSF, 400/1880.

*Shops*, Sultan dan keluarganya serta pihak pengurusan lombong, ladang gambir dan lada hitam. Ini bermakna hanya pihak yang telah mendapat kebenaran sahaja diberi hak untuk menyediakan *chandu*.<sup>5</sup> Pihak pengurusan landasan keretapi di Selangor pernah meminta kebenaran untuk menyediakan *chandu* untuk kegunaan kuli-kuli Cina dan orang yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal ini adalah *Chief Collector* yang akan mengadakan rundingan dengan pemajak *chandu*.<sup>6</sup>

Sebenarnya, masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh kerajaan negeri Selangor tetapi pemerintah negeri-negeri Melayu yang lain turut tidak dapat lari daripada berdepan dengan masalah ini. Salah satu daripada kejadian penyeludupan yang boleh disebutkan adalah yang berlaku di daerah Tampin di Negeri Sembilan di mana lesen pajakan hasil candu yang dipegang oleh seorang pemajak hasil candu di Melaka dan Singapura telah disalahgunakan. Keistimewaan dan hak eksklusif yang diberikan kepadanya menerusi lesen tersebut telah disalahgunakan dalam percubaan untuk menyeludup *chandu* dari Melaka dan Singapura ke Negeri Sembilan.<sup>7</sup>

Antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah penyeludupan adalah dengan memberi wang hadiah kepada mereka yang telah membantu mengesan dan menahan orang yang terlibat dalam penyeludupan.

<sup>5</sup> Selangor Coast *Chandu* Farm Conditions, SSF, 3685/1894.

<sup>6</sup> BR Selangor kepada Chief Collector, 5 Julai 1886, SSF, 1418/1886.

<sup>7</sup> BR Negeri Sembilan kepada RG FMS, 20 April 1898, HCOF, 406/1898.

Ganjaran ini dibuka kepada orang awam dan juga pegawai kerajaan yang telah membantu pihak berkuasa dalam mengesan kegiatan penyeludupan sehingga rampasan ke atas candu yang cuba diseludup dan penangkapan pesalah tersebut. Ganjaran ini dibuka kepada orang awam dan juga pegawai kerajaan demi untuk menggalakkan mereka mengambil inisiatif untuk melaporkan dan menjalankan tugas mereka dengan efektif. Punca kepada rancangan untuk menggunakan cara ini berkemungkinan disebabkan oleh kegagalan pihak kerajaan untuk menghapuskan kegiatan ini dengan berkesan kerana majoriti kes penyeludupan yang telah dikendalikan oleh pihak kerajaan biasanya hanya kepada rampasan ke atas candu dengan kuantiti yang kecil candu. Di sini objektif utama pihak kerajaan adalah untuk melumpuh dan menghapuskan aktiviti penyeludupan candu dan bukan sekadar untuk merampas semua candu yang telah dibawa masuk secara haram.<sup>8</sup>

Sebab yang membawa kepada perbincangan masalah penyeludupan di sini adalah kerana masalah ini merupakan antara masalah yang terbesar dalam perdagangan candu. Penyeludupan ini bukan sahaja dilihat penting oleh pihak kerajaan kerana ia telah mengurangkan pendapatan kerajaan yang penting dalam pembangunan sesebuah tempat tetapi yang lebih penting lagi ialah ia telah menjejaskan perjalanan perdagangan candu itu sendiri.

---

<sup>8</sup> Rewards for the Detection of Opium Smuggling, 7 July 1909, HCOF, 827/1909, him. 3.

penyeludupan ialah sekatan yang dikenakan ke atas perdagangan candu seperti penjualan hanya kepada lelaki Cina berumur 21 tahun ke atas atau mereka yang memegang permit khas, kenaikan dari segi harga candu, pengurangan kedai menjual *chandu* dan sebagainya; yakni kebebasan untuk membeli candu boleh mengurangkan kegiatan penyeludupan. Laporan ini turut menyatakan tentang kemungkinan yang terbaik dalam membanteras kegiatan ini menerusi kawalan di Negeri-negeri Selat agar candu tidak akan diseludup ke dalam negeri-negeri Melayu.

Laporan ini juga menyentuh tentang kemasukan candu dari China secara haram yang telah menjadi satu bentuk daripada kegiatan penyeludupan yang berlaku. Penemuan daripada rampasan pada tahun 1923 telah membuktikan kepada pihak berkuasa untuk lebih berhati-hati dalam usaha untuk menangani kegiatan ini khususnya dalam meningkatkan kecekapan pegawai yang bertugas untuk mengelakkan kemasukan kapal-kapal yang membawa candu dari kawasan yang tidak dibenarkan oleh kerajaan.<sup>9</sup>

---

<sup>9</sup> *Proceedings of the Committee Appointed by His Excellency the Governor and High Commissioner to inquire into Matters relating to the Use of Opium in British Malaya*, Vol. I, Singapore, Government Printing Office, 1924, hlm. A50-1. (Diringkaskan selepas ini sebagai *Proceedings of the BMOC 1924*)

## Penggunaan *Chandu Dross* di Selangor

Penggunaan *chandu dross* dilihat sebagai satu masalah oleh kerajaan kerana penggunaannya yang mendatangkan kesan yang lebih membahayakan kesihatan penghisapnya. Melihat kepada definisi yang diberikan oleh draf *The Chandu Shops Enactment, 1905*, *chandu dross* adalah “*the refuse of chandu which has been used for smoking whether reprepared for use or not*”<sup>10</sup> merupakan bentuk *chandu* yang kian popular di kalangan pengguna *chandu* yang berpendapatan rendah. Punca kepada masalah ini datangnya daripada peningkatan dalam harga *chandu* yang melampaui kemampuan golongan berpendapatan rendah untuk membelinya yang menyebabkan mereka beralih kepada *chandu dross*.

Laporan oleh *British Malaya Opium Committee* pada tahun 1924 telah membuktikan penghisap *chandu dross* mengambil 23 kali ganda morfin yang terdapat di dalam *chandu* berbanding dengan pengguna *chandu* yang membuktikan bahawa penghisap *chandu dross* menghadapi 23 kali ganda tingginya risiko bahaya pengambilan dadah dalam bentuk ini. Seseorang yang mengambil 3-hoon *chandu* biasa sehari akan menyedut 0.0175 grains of morphine; sebaliknya pengguna *chandu dross* yang mengambil dalam kuantiti yang sama iaitu 3-hoon pula akan menyedut

---

<sup>10</sup> SGG, Vol. XVII, No. 5, 2 Mac 1906, him. 107.

antara 0.3955 hingga 0.4130 *grains of morphine*.<sup>11</sup> Terdapat juga laporan yang menyatakan adanya pengguna yang telah meninggal dunia akibat menelan *chandu dross* di Selangor yang membuktikan kepada realiti bahayanya pengambilannya.

Berikutan daripada kritikan terhadap bahayanya penggunaan *chandu dross* yang digunakan oleh penduduk di negeri-negeri Melayu, usaha untuk menyekat penggunaan *chandu* ini sering dicadang dan dilaksanakan oleh pihak berkuasa untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini. Salah satu cadangan yang pernah diberikan oleh jawatankuasa ini adalah dengan mengawal kegiatan penggunaan *chandu dross* di dalam *public smoking room* dengan meletakkan *dross* yang terhasil di tempat ini sebagai milik tuanpunya premis dan mereka akan dibayar atas *chandu dross* yang telah diserahkan oleh mereka kepada pihak kerajaan.<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup> Proceedings of the BMOC 1924, Vol. I, hlm. A37.

<sup>12</sup> *Ibid.*

Dalam “*Proposals Regarding the Purchase of Chandu Dross*”, pihak yang mencadangkan telah meminta kerajaan menaikkan harga *chandu dross* yang telah diserahkan kepada kerajaan daripada \$4.50 setahil kepada \$6.50 setahil dan bagi *dross* gred dua, mereka akan dibayar \$1.50 setahil. Cadangan untuk menaikkan harga pembelian *dross* daripada pemilik-pemilik kedai *chandu* merupakan satu langkah yang digunakan untuk mengelakkan penjualan *dross* oleh pemilik-pemilik kedai tersebut kepada penghisap yang berpendapatan rendah. Dalam menjalankan cadangan ini, turut yang dinyatakan dalam kertas cadangan ini adalah dalam mengubah sistem penjualan *chandu* dan pembelian *dross* iaitu pemilik lesen kedai *chandu* tidak akan memperolehi keuntungan daripada hasil pembelian *chandu* daripada Jabatan Monopoli tetapi keuntungannya akan bergantung kepada hasil yang diperolehnya daripada *dross* yang akan diserahkan kepada kerajaan.

Namun begitu, menurut *Superintendent of Government Monopolies*, langkah ini masih menghadapi halangan berikut dengan harga *chandu dross* dalam pasaran gelap adalah jauh lebih tinggi daripada harga yang ditawarkan oleh kerajaan. Harga *chandu dross* dalam pasaran gelap boleh menjangkau setinggi \$12.00 setahil berbanding dengan harga yang ditawarkan oleh kerajaan iaitu \$4.50 setahil sebelum cadangan untuk menaikkannya dan harga yang dicadangkan iaitu \$6.50 setahil. Perbezaan harga yang begitu jauh telah menyebabkan adanya kecenderungan pihak

pemegang lesen kedai *Chandu* untuk menjual *chandu dross* dari kedainya dalam pasaran gelap.

Selain daripada itu, seorang jurukimia kerajaan juga akan ditempatkan dalam jabatan ini untuk memastikan semua *chandu dross* yang akan dibeli oleh kerajaan itu adalah yang dihasilkan daripada *chandu* yang dibawa masuk dari Negeri-negeri Selat. Langkah ini turut mempunyai kelebihannya dari dua segi iaitu dalam mengesan adanya percubaan pemilik-pemilik kedai *chandu* untuk bertindak tidak jujur dengan mengimport *chandu dross* untuk dijual kepada kerajaan di samping ia membolehkan semua *chandu* yang digunakan di sesebuah negeri itu adalah *chandu* kerajaan dan bukannya *chandu* yang diseludup dari luar.<sup>13</sup>

### **Penggunaan Candu di Rumah-rumah Pelacuran**

Amalan menghisap *chandu* semasa mengunjungi rumah-rumah pelacuran merupakan antara bentuk perniagaan mendapat tentangan yang hebat daripada masyarakat terutamanya pada awal abad ke-20. Ia mula menjadi satu masalah dalam perdagangan candu apabila amalan ini dilihat sebagai mendatangkan kesan yang negatif kepada masyarakat iaitu penyumbang kepada masalah keruntuhan akhlak di kalangan masyarakat terutamanya penghisap *chandu* itu sendiri. Merujuk kepada

---

<sup>13</sup> *Ibid.*

sejarah perkembangan pergerakan anti-candu dunia di mana pada penghujung abad ke-19, penggunaan candu mula dilihat sebagai satu aktiviti yang berunsur jenayah dengan penglibatan penghisapnya dalam aktiviti seperti perjudian dan pelacuran berbanding dengan zaman sebelumnya yang penggunaan candu lebih kepada tujuan perubatan. Perubahan dalam penggunaan candu ini telah menyebabkan penggunaan dan perdagangan candu mula dianggap sebagai satu masalah antarabangsa menjelang abad ke-20 yang menyaksikan pelbagai usaha oleh badan-badan untuk menyekat perdagangan candu di Barat dan Timur.<sup>14</sup>

Dalam konteks di negeri-negeri Melayu, amalan menghisap candu di rumah-rumah pelacuran memang dilihat sebagai satu masalah keruntuhan akhlak yang serius khususnya di kalangan masyarakat Cina. Dalam laporan yang dibuat oleh *British Malaya Opium Committee* pada tahun 1924, kedua-dua amalan mencari pelacur dan menghisap candu sebagaimana yang dinyatakan oleh seorang tauke Cina merupakan dua daripada empat tabiat buruk popular masyarakat Cina.<sup>15</sup> Yang menarik di sini adalah berkenaan dengan pernyataan yang dibuat oleh tauke Cina yang boleh dipandang sebagai mewakili pemikiran masyarakat Cina pada tempoh tersebut terhadap kedua-dua amalan ini. Walaupun amalan pengambilan candu dilihat tidak seburuk aktiviti berjudi dan ketagihan arak tetapi seseorang penghisap candu masih

---

<sup>14</sup> *The New Encyclopaedia Britannica*, 15<sup>th</sup> ed., Vol. V, Chicago, Encyclopaedia Britannica Inc., 1974, hlm. 1053.

<sup>15</sup> *Proceedings of the BMOC 1924*, Vol. II, hlm. C194.

meletakkan keutamaan kepada candu dalam hidupnya iaitu apa yang dilakukannya itu lebih kepada memastikan dia terus mendapat candu manakala kesan daripada melanggani pelacur pula melibatkan kehidupan dan masa depan ahli keluarganya.

Jika dilihat kepada sebab yang boleh diberi kepada kepopularan penggunaan candu di rumah-rumah pelacuran, umumnya sebab yang diberi adalah khasiatnya sebagai *aphrodisiac* iaitu dalam meningkatkan kemampuan seks mereka dan kemudahan yang terdapat di dalam rumah pelacuran di mana adanya orang yang akan membantu menyediakan *chandu* yang akan dihisap oleh mereka. Kedua-dua faktor ini adalah antara dua sebab yang menarik seseorang untuk menghisap *chandu* semasa berada di dalam rumah pelacuran.

Tentangan terhadap amalan penggunaan candu di rumah pelacuran boleh dilihat daripada tindakan *Selangor Anti-Opium Society* dalam mencari resolusi untuk menangani masalah ini, antaranya adalah dalam menyuarakan masalah ini kepada .Residen Selangor seperti pada tahun 1907 yang seterusnya menyaksikan isu ini dibawa kepada Residen Jeneral dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Bantahan yang dibuat oleh pertubuhan ini antaranya adalah mendesak pihak kerajaan mengambil langkah untuk membanteras amalan ini yang dipandang

oleh mereka sebagai bercanggahan dengan Seksyen 3(d) yang diperuntukkan dalam *The Chandu Shops Enactment, 1906*.<sup>16</sup>

Menurut syarat yang diperuntukkan dalam undang-undang menerusi Seksyen 3(d) *The Chandu Shops Enactment, 1906*, lesen-lesen yang dikeluarkan mengikut enakmen ini melarang:

“...open and keep any house or shop wherein facilities are provided for smoking of chandu in return for any remuneration of any kind whether in money or otherwise”.<sup>17</sup>

Mereka melihat bahawa kemudahan menghisap *chandu* merupakan satu bentuk perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan seseorang pelacur yang mana bayaran yang diberikan kepada pelacur memang meliputi bayaran penyediaan *chandu* untuk pelanggannya. Satu lagi hujah yang dinyatakan oleh mereka adalah tentang adanya enakmen yang sama dikuatkuasakan di Perak tetapi amalan penggunaan *chandu* di rumah pelacuran ini dihalang oleh undang-undang tetapi ia tidak dikuatkuasakan sedemikian di Selangor.

Berikutan daripada desakan oleh pertubuhan ini kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengkaji isu ini. Salah satunya adalah mengadakan satu

---

<sup>16</sup> BR Sel. kepada RG FMS, 18 Mei 1907, HCOF, 722/1907.

<sup>17</sup> SGG, Vol. XVII, No. 5, 2 Mac 1906, hlm. 108.

pertemuan yang dihadiri oleh Pemangku *Protector of Chinese*, wakil-wakil Eropah dan Cina yang mempunyai pandangan yang sama dengan ahli-ahli pertubuhan ini. Dalam pertemuan ini yang diadakan pada 5 April 1907, satu daripada perkara yang dibangkitkan adalah berkenaan dengan percanggahan amalan ini dengan Seksyen 3(d) *The Chandu Shops Enactment, 1906* dan mendesak penguatkuasaan Seksyen 16 *The Protection of Women and Girls Enactment, 1902* untuk menghapuskan rumah-rumah pelacuran yang membenarkan amalan menghisap chandu. Yang keduanya pula adalah perlantikan Penasihat Perundangan (*Legal Adviser*) untuk mengkaji peruntukan dalam Seksyen 3(d) *The Chandu Shops Enactment, 1906*.

Hasil kajian diperolehi boleh dikatakan sebagai tidak mengubah keadaan yang berlaku. Menyentuh *The Protection of Women and Girls Enactment (1902)*, jawapan yang diberi oleh Pemangku *Protector of Chinese* adalah undang-undang ini hanya bertujuan untuk kegunaan dalam kes-kes tertentu sahaja dan pihak kerajaan tidak mempunyai niat untuk menguatkuasakannya secara serta-merta yang dianggap sebagai drastik. Bagi *The Chandu Shops Enactment, 1906*, pihak *Legal Adviser* setelah penelitian terhadapnya mendapati ia sebagai tidak bercanggahan enakmen tersebut dari segi perundangan.<sup>18</sup>

---

<sup>18</sup> BR Sel. kepada RG FMS, 18 Mei 1907, HCOF, 722/1907.

Alasan yang diberi oleh kerajaan berkenaan dengan amalan tersebut dalam satu lagi memorandum adalah apa yang ditetapkan dalam *The Chandu Shops Enactment, 1906* tidak relevan dengan realiti rumah pelacuran kecuali rumah pelacuran itu didaftarkan sebagai sebuah kedai *chandu* dan amalan tersebut hanya mengambil tempat di bilik-bilik yang disewa oleh pelacur yang menjadi milik pelacur itu. Justeru itu, ia harus dipandang sebagai kawasan persendirian dan bukannya kawasan awam yang terhad kepada ruang tamu rumah pelacuran tersebut.

Berkenaan dengan penemuan alatan untuk menyedia dan menghisap *chandu* yang ditemui dalam bilik pelacur adalah milik peribadi pelacur yang juga merupakan penghisap candu kerana mereka tidak dibenarkan untuk memasuki *public smoking shops* dan bilik mereka merupakan satu-satunya tempat di mana mereka boleh menghisap *chandu*.<sup>19</sup> Berkenaan dengan nyalaan lilin daripada pelita yang digunakan dalam penyediaan *chandu* yang turut dipandang sebagai satu bukti penggunaan chandu di dalam bilik tersebut, pihak *Acting Protector of Chinese* mendapati bahawa tindakan menyalakan pelita itu mempunyai maksud lain iaitu sebagai “sign of ‘engagement’ of a prostitute”.<sup>20</sup>

---

<sup>19</sup> “Memorandum (B) by the Ag PC Sel. & Negeri Sembilan”, 15 Mei 1907, HCOF, 722/1907.

<sup>20</sup> “Memorandum (A) by the Ag. PC Sel. & Negeri Sembilan”, 21 Januari 1907, HCOF, 722/1907.

Selain daripada itu, pihak kerajaan juga mencadangkan bahawa *Selangor Anti-Opium Society* sebenarnya boleh mengusulkan satu fasal yang sesuai untuk ditambah dalam enakmen yang sedia ada untuk dipertimbangkan oleh kerajaan. Dalam satu surat yang dihantar oleh pertubuhan tersebut kepada kerajaan yang bertarikh 3 Mei 1907, pihak pertubuhan telah mendesak kerajaan untuk meluluskan cadangan yang dikemukakan oleh mereka itu untuk dikuatkuasakan. Cadangan yang diberikan oleh mereka adalah dalam menguatkuasakan fasal seperti yang berikut:

“The smoking of chandu shall be issued to any brothel, and no facilities for the smoking of chandu shall be allowed in any brothel, with the exception that the keeper of any brothel shall be allowed to keep two pipes and suitable apparatus for the smoking of chandu in the private room of the keeper of the brothel and shall not use the same otherwise than in the said private room and for his or her private use”.<sup>21</sup>

Walaubagaimanapun, cadangan ini tidak diambil oleh kerajaan untuk dikuatkuasakan.

Punca kepada bantahan ini datangnya daripada pandangan bahawa amalan penggunaan candu di rumah pelacuran merupakan satu amalan yang menggugat kesejahteraan dan kebajikan masyarakat telah menyebabkan adanya desakan supaya kerajaan mengambil langkah untuk menghapuskan amalan ini lebih-lebih lagi amalan ini mempunyai unsur yang bercanggahan dengan peruntukan dalam enakmen.

---

<sup>21</sup> BR Sel. kepada RG FMS, 18 Mei 1907, HCOF, 722/1907.

Residen Selangor telah memberikan pandangan yang hampir sama dengan pertubuhan ini iaitu masalah ini boleh menggalakkan pengunjungan rumah-rumah pelacuran tetapi cadangan-cadangan yang diberikan setakat ini masih bukan jalan penyelesaian kepada masalah tersebut.<sup>22</sup>

*Secretary of Chinese Affairs Negeri-negeri Melayu Bersekutu* pula berpandangan bahawa walaupun menghisap *chandu* di rumah pelacuran bukan satu kesalahan dari segi undang-undang tetapi ia tetap bukan satu langkah bijak untuk menjadikannya satu kesalahan kerana secara logiknya bukan semua orang yang mengunjungi rumah pelacuran semata-mata untuk menghisap *chandu* kecuali mereka dalam kategori penghisap *chandu*. Jika adanya undang-undang untuk menghapuskan amalan ini di rumah pelacuran, kesan yang akan dilihat bukanlah sesuatu yang diharapkan kerana yang akan mematuhi undang-undang ini adalah rumah-rumah pelacuran yang berdaftar, sebaliknya penguatkuasaan undang-undang yang sedemikian hanya akan membantu mempopularkan rumah-rumah pelacuran haram atau *sly brothel*.<sup>23</sup> Masalah ini hanya dihapuskan setelah perdagangan cанду ini diambilalih oleh kerajaan sepenuhnya pada tahun 1911.

---

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> "Copy of a minute by Ag. SCA, FMS", 27 Mei 1907, HCOF, 722/1907.

## **Pergerakan Anti-Candu di Selangor**

Isu yang menyentuh penggunaan dan perdagangan candu di tanah-tanah jajahan British telah mendapat perhatian pergerakan anti-candu di England seawal tahun 1874 lagi. Ini dapat dikesani dengan penubuhan *The Suppression of the Opium Trade* (SSOT) di London yang mendapat sokongan golongan mubaligh Kristian di China dan *Quakers* di England; antara isu utama yang diperjuangkan oleh kumpulan ini adalah mendesak kerajaan untuk menghentikan pengeluaran candu di India dan perdagangan dengan China. Malangnya secara keseluruhannya, pergerakan ini tidak berjaya mencapai objektif perjuangan sepertimana yang diharapkan. Namun begitu, perubahan yang lebih menonjol hanya berbuah pada tahun 1893 dengan kenaikan Parti Liberal mengambil alih kerajaan di England di atas undi anti-candu. Walaupun mereka kemudiannya sedar akan kepentingan yang dimainkan oleh candu, tetapi satu jawatankuasa untuk mengkaji masalah candu di India telah dibentuk yang mana pihak kerajaan menekankan isu samada perdagangan candu di India perlu dihapuskan dan kesan yang akan diperolehi jika tindakan menghapuskannya dijalankan.<sup>24</sup>

Perkembangan yang lebih positif dalam pergerakan anti-candu di Britain hanya mula kelihatan pada awal abad ke-20 ekoran daripada perlantikan satu

---

<sup>24</sup> Trocki, *Opium and Empire*, hlm. 205-6.

jawatankuasa untuk mengkaji isu candu di Filipina oleh Kongres Amerika Syarikat pada tahun 1903 yang membawa penghapusan menyeluruh terhadap perdagangan candu di Filipina pada tahun 1906. Ekoran daripada kejayaan Amerika Syarikat, Great Britain telah mengadakan satu rundingan dengan China yang telah membawa kepada persetujuan China untuk menghapus pengeluaran candu di negara tersebut. Satu dekri telah dikeluarkan oleh Kerajaan China pada bulan September tahun 1906 yang mengumumkan penghapusan pengeluaran dan penggunaan candu dalam tempoh sepuluh tahun . Ini diikuti juga dengan persetujuan Kerajaan India untuk mengurangkan eksport candu sebanyak sepuluh peratus ke Negeri China setiap tahun sebagai langkah untuk menangani masalah perdagangan candu yang sudah mendapat perhatian antarabangsa.

Satu lagi perkembangan yang penting yang boleh disaksikan di England pada tahun 1906 dalam mempengaruhi pergerakan dan dasar anti-candu di tanah-tanah jajahan British adalah kesan daripada pembaharuan di Parlimen British di London di mana 250 anggota baru dalam *the House of Commons* telah bersepakat mengenai isu candu. Justeru itu, pada 30 Mei 1906 , satu resolusi yang pernah dikemukakan di Parlimen British yang mengutuk perdagangan candu sebagai “*morally indefensible*” telah diluluskan.<sup>25</sup> Satu perkara yang harus disedari di sini adalah kejayaan untuk menangani masalah perdagangan dan penggunaan candu di Tanah Melayu adalah

---

<sup>25</sup> *Ibid.*, hlm. 209-10.

amat bergantung kepada kesungguhan pihak kerajaan British di London untuk bertindak kerana segala bentuk dasar British di sini adalah dijalankan berasaskan kepada kehendak kerajaan British di London.

Menurut Trocki, pengumuman dekri kerajaan China pada September tahun 1906 yang telah memberi ilham kepada pergerakan-pergerakan anti-candu di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu untuk membentuk satu pergerakan yang lebih sistematik untuk menyekat penggunaan candu di Tanah Melayu. Ini membawa kepada penubuhan *Selangor Anti-Opium Society* (SAOS) pada 31 Oktober 1906 di Kuala Lumpur oleh Dr. Chen So Lan, seorang ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor.<sup>26</sup>

Antara usaha awal SAOS boleh dilihat menerusi dua surat yang memberikan resolusi dalam penyekatan ke atas perdagangan candu di Selangor kepada Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang berasaskan kepada dua pertemuan di Kuala Lumpur iaitu pada 30 Oktober 1906 di Town Hall dan 31 Oktober 1906 di Theatre Hall. Dalam surat yang pertama yang memberikan resolusi daripada pertemuan di Town Hall, pihak SAOS telah mendesak kerajaan untuk mengambil tindakan yang lebih keras dalam menangani isu perdagangan candu

---

<sup>26</sup> *Ibid.*, hlm. 210-11

secepat mungkin manakala resolusi-resolusi dalam pertemuan yang kedua lebih kepada menyeru kerajaan British untuk mencantohi dasar yang diambil oleh kerajaan China dalam menangani masalah ini dan mempertimbangkan masa depan masyarakat Cina di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang dibelenggui masalah ini dengan menolak isu kepentingannya kepada pendapatan kerajaan.<sup>27</sup>

Satu pencapaian dari segi peranan yang dimainkan oleh SAOS dalam menangani isu candu di Selangor dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu adalah dalam penyertaannya dalam *The Straits Settlements and Federated Malay States Anti-Opium Conference* di Ipoh pada Mac 1907 yang merupakan persidangan pertubuhan anti candu yang terbesar dan pertama di Tanah Melayu. Dalam persidangan yang dihadiri oleh wakil-wakil dari semua pertubuhan anti-candu di Tanah Melayu, SAOS telah menghantar 19 orang wakilnya untuk membincangkan masalah ini dan hasil persidangan ini telah membawa sepuluh resolusi untuk menangani masalah ini.<sup>28</sup> Antara resolusi-resolusi yang telah dicapai dalam persidangan tersebut adalah seperti berikut:

<sup>27</sup> "Resolutions of the SAOS Meeting on 30<sup>th</sup> October 1906", and "Resolutions of the SAOS Meeting on 31<sup>st</sup> October 1906", 7 November 1906, HCOF, 1417/1906.

<sup>28</sup> *Report of Proceedings of the Straits Settlements and Federated Malay States Anti-Opium Conference Held in Ipoh, 8<sup>th</sup> & 9<sup>th</sup> March 1907*, The Times of Malaya Press Ltd., 1907 in HCOF, 897/1907, hlm.2.

- 1) Mendesak kerajaan untuk menghapuskan sistem pajakan hasil cанду yang diamalkan dan menggantikannya dengan pengawalan oleh kerajaan sepenuhnya.
- 2) Mencadangkan kepada pendaftaran ke atas semua penghisap cанду.
- 3) Mengcam penggunaan cанду sebagai penghalang kepada kemajuan bangsa Cina.
- 4) Mendesak para majikan untuk menyekat penggunaan cанду di kalangan pekerja-pekerja mereka.
- 5) Mencadangkan agar mereka yang berdaftar sahaja boleh membeli *chandu* dan mereka ini harus diberikan sekeping sijil yang mengandungi butir-butir peribadi dan gambar mereka untuk mengesahkan pendaftaran mereka.
- 6) Meminta kerajaan untuk mengambil lebih banyak langkah untuk menangani perdagangan cанду dengan menaikkan cukai ke atas cанду, lesen perniagaan cанду dan mengurangkan bilangan lesen pemilikan perniagaan cанду.

- 7) Peraturan yang lebih ketat ke atas penjualan candu sebagaimana peraturan ke atas penjualan morfin dan racun serta mewajibkan semua pemberong candu untuk merekodkan semua urusniaga termasuk tarikh urusniaga, butir-butir pembeli, dan kuantiti candu yang dibeli.
- 8) Meminta kerajaan untuk menyekat penjualan candu kepada mereka yang berumur di bawah 21 tahun serta mengharamkan penjualan dan penggunaan candu di rumah-rumah perlacuran, depot *jinrikisha* dan semua tempat-tempat awam.
- 9) Menyeru pihak kerajaan mengarahkan pengenalan kepada bahaya pengambilan candu di semua sekolah kerajaan.<sup>29</sup>

Selain daripada itu, SAOS turut melibatkan diri dalam penentangan ke atas amalan pengambilan *chandu* di rumah-rumah perlacuran dengan mendesak kerajaan dalam menggubal atau memansuhkan undang-undang yang sedia ada untuk mengharamkan amalan ini. Selain daripada mendesak kerajaan untuk mengambil

---

<sup>29</sup> *Ibid.*, hlm. 4-12.

tindakan tersebut, ia juga memberi cadangan kepada bentuk permansuhan yang boleh dilakukan untuk menyelesaikan masalah ini.<sup>30</sup>

Satu lagi perkembangan yang penting dalam perjalanan dasar yang bercorak anti-candu di Tanah Melayu boleh disaksikan menerusi pembentukan *The Malayan Opium Commission* pada Julai tahun 1907 yang bertujuan untuk mengkaji penggunaan candu di kalangan penduduk Tanah Melayu dan langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah tersebut. Satu perkara yang menarik di sini adalah dari segi hasil kajian tersebut di mana cadangan utama yang telah diketengahkan oleh mereka adalah dalam penghapusan sistem pemajakan candu dan menggantikannya dengan sistem monopoli kerajaan.<sup>31</sup>

Walaubagaimanapun, cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa ini telah dilaksanakan dengan penggubalan *The Opium and Chandu Enactment, 1910* yang menandakan permulaan monopoli kerajaan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1911. Namun begitu, kejayaan sistem ini mengikut Trocki hanya lebih berpihak kepada kerajaan pada peringkat awal perlaksanaannya tetapi usaha-usaha untuk mengurangkan penggunaan candu hanya terhad kepada

---

<sup>30</sup> BR Selangor kepada RG FMS, 18 Mei 1907, HCOF, 722/1907.

<sup>31</sup> Trocki, *Opium and Empire*, hlm. 212-3.

kenaikan harga *chandu*.<sup>32</sup> Ini diikuti dengan perlantikan satu jawatankuasa untuk mengkaji masalah yang berkaitan dengan penggunaan candu di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1924 yang menghasilkan satu laporan setebal dua jilid.

Satu lagi usaha yang dijalankan oleh kerajaan dalam usaha menyekat perdagangan dan penggunaan candu di Tanah Melayu boleh disaksikan menerusi penerimaan resolusi yang telah dikemukakan dalam *The Hague Convention*, 1912 yang merupakan konvensyen candu yang pertama diadakan. Antara bentuk resolusi yang diberi perhatian dalam persidangan ini adalah dari segi kawalan ke atas pengeluaran dan penyebaran candu, menghadkan bilangan kawasan di mana candu dibenarkan perdagangannya, sekatan dalam pemberian lesen perniagaan candu, kerjasama dengan kerajaan China untuk menyekat perdagangan candu dan kerjasama semua pihak yang terlibat dalam persidangan ini.<sup>33</sup>

Sungguhpun resolusi-resolusi tersebut tidak berjaya dijalankan ekoran daripada meletusnya Perang Dunia Pertama tetapi ia telah diterima dalam *The Versailles Peace Treaty* pada tahun 1919 yang memberi tanggungjawab untuk menangani perdagangan candu dan dadah-dadah lain kepada *The League of*

---

<sup>32</sup> *Ibid.*, hlm. 214.

<sup>33</sup> *International Opium Convention Signed at The Hague, January 23, 1912*, SSE, 1870/1912, hlm. 11-6.

*Nations*.<sup>34</sup> Resolusi-resolusi dalam konvensyen ini akan dikuatkuasakan dalam tempoh satu tahun selepas perjanjian damai yang telah ditandatangani dan pihak kerajaan British di London telah mengarahkan Gabenor A. H. Young untuk mengusulkan kertas cadangan yang akan dihantar kepada *The League of Nations* untuk dipertimbangkan sebagaimana yang termaktub dalam Artikel 23 (c) dalam *The Covenant of the League of Nations*.<sup>35</sup>

Selain daripada SAOS, terdapat lagi satu persatuan yang turut melibatkan diri dalam kempen anti-candu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu The Chinese Young Men Society. Beberapa cawangan persatuan ini di Seremban, Kampar, Ipoh, Port Swettenham, Kuala Lumpur dan Klang telah bersepakat menghantar satu petisyen kepada Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang mendesak agar kerajaan mengharamkan penggunaan candu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Antara pertimbangan yang diketengahkan oleh mereka adalah dalam meminta kerajaan mengambil tindakan mengharamkan candu demi kesejahteraan masyarakat kerana taraf kehidupan keluarga seorang penghisap semakin merosot. Bagi mereka, hanya kerajaan sahaja yang mampu untuk mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk menjamin kehidupan penduduk di Tanah Melayu.<sup>36</sup>

<sup>34</sup> *The New Encyclopaedia Britannica*, Vol. V, hlm. 1051.

<sup>35</sup> Milner kepada Gov. S.H. Young, 31 Julai 1919, HCOF, 1768/1919.

<sup>36</sup> The Chinese Young Men Societies kepada HC FMS, 9 Julai 1919, HCOF, 1622/1919.

Sebenarnya masalah-masalah yang wujud dalam perdagangan dan penggunaan candu merupakan isu-isu yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan sejak awal lagi. Dalam bab ini, antara isu-isu yang telah diketengahkan iaitu penyeludupan candu, penggunaan *chandu dross*, pengambilan *chandu* di rumah-rumah perlacuran serta pergerakan dan perlaksanaan dasar bercorak anti-candu merupakan aspek-aspek penting dalam perdagangan candu yang akan menentukan haluan dan bentuk perdagangan tersebut. Masalah seperti penyeludupan boleh menjelaskan sistem ekonomi dan perdagangan yang sedia wujud manakala *chandu dross* dan pengambilan *chandu* di rumah-rumah perlacuran merupakan bukti kepada masalah sosial di kalangan pengguna candu. Ini bermakna kedua-dua masalah ini bukan sahaja telah menyumbang kepada keruntuhan akhlak di kalangan pengguna candu tetapi ia turut mendatangkan kesan sampingan dalam bentuk kesihatan yang terpaksa dihadapi oleh penghisap candu. Yang jelas di sini adalah hanya usaha yang bersungguh-sungguh dari kerajaan yang dapat membantu dalam menangani masalah ini.